



TEKS UCAPAN

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD,
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

BAGI

**MAJLIS PELANCARAN
MEDIA INFLIGHT ADVERTISEMENT SPACE
AIR ASIA**

**LAPANGAN TERBANG LABUAN,
WP LABUAN**

**6 SEPTEMBER 2019 (JUMAAT)
JAM 9.50 PAGI**

SALUTASI

- 1. YANG BERBAHAGIA DATUK SERI HAJI SARIPUDDIN BIN HAJI KASIM**
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN;
- 2. YANG BERBAHAGIA DATO' SRI HAJI AMIR BIN HAJI HUSSIEN**
PENGERUSI PERBADANAN LABUAN;
- 3. YANG BERBAHAGIA DATUK DR. AMINUDDIN BIN HASSIM**
PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA;
- 4. YANG BERBAHAGIA DATUK IBRAHIM BIN YUSOFF**
PENGARAH EKSEKUTIF (PEMBANGUNAN SOSIO EKONOMI),
DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR;
- 5. YANG BERUSAHA DR. FARY AKMAL BINTI OSMAN**
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, PERBADANAN LABUAN
- 6. YANG BERBAHAGIA DATO ABDEL AZIZ BIN BAKAR**
PENGARAH DAN CO-FOUNDER AIR ASIA BERHAD;
- 7. YANG BERUSAHA TUAN SYED ANUAR BIN SYED AHMAD**
PENGARAH URUSAN LADUNI SERVICES SDN BHD

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
& AGENSI, TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA LABUAN SERTA
MALAYSIA AIRPORT HOLDING BERHAD.**

RAKAN-RAKAN MEDIA;

HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN.

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Dan Salam Sejahtera.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izinNya maka dapat kita semua berkumpul pada hari ini di Lapangan Terbang Labuan bagi Majlis Pelancaran Inflight Media Advertisement Space AirAsia.

2. Tidak terlewat sekiranya saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Kebangsaan ke 62 di mana sekali lagi Putrajaya menjadi tuan rumah bagi menjayakan acara bersejarah yang disambut setiap tahun ini.

Hadirin Yang Saya Kasih Sekalian;

3. Pada hari ini dunia telah bersama-sama ke arah untuk menjadikan negara mereka sebagai tempat tumpuan khususnya dalam konteks *tourism*. Antaranya mempromosikan *Islamic Tourism, Eco Tourism, Health Tourism, Sport Tourism* dan pelbagai *tagline* serta agenda bagi memastikan produk-produk *tourism* kepada orang ramai.

4. Justeru, Kementerian Wilayah Persekutan dan agensi juga tidak mahu ketinggalan seiring agenda *tourism* dunia dalam penyediaan pelbagai bentuk penjanaaan ekonomi dalam sektor *tourism* seperti mana tema *World Tourism Conference 2019* yang berlangsung di Kuala Lumpur baru baru ini iaitu “ *Beyond Tourism, Beyond Expectation*”.

5. Dalam erti kata di era baharu ini, dunia mestilah bersiap sedia dalam menjadikan sektor *tourism* sebagai sumber utama peluang ekonomi baru dengan menggunakan teknologi terkini untuk berkomunikasi dalam mempromosikan produk dan destinasi pelancongan yang menarik.

6. Bagi merealisasikan hasrat ini, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi mengambil inisiatif bekerjasama dengan AirAsia, syarikat tambang murah terbaik dunia selama dalam tempoh 11 tahun berturut-turut. Dengan pengalaman selama 19 tahun dalam industri ini dan memiliki 232 buah pesawat. Saya yakin AirAsia dapat menjayakan misi kami untuk mempromosi program/produk pelancongan Wilayah Persekutuan dengan lebih konsisten.

7. Di samping itu juga, dengan pengalaman AirAsia sebagai pemain utama khususnya sektor pengangkutan udara tambang murah sememangnya ia dapat memberi kekuatan dari segi data pengguna untuk kita bersama-sama berkongsi keindahan serta destinasi tumpuan diketiga-tiga Wilayah Persekutuan.

Hadirin Yang Saya Kasihi Sekalian;

8. Masyarakat dunia sering menganggap Wilayah Persekutuan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan sahaja. Disebalik itu, kita harus memberitahu kepada pelancong dunia bahawa kita juga mempunyai tempat-tempat menarik di Putrajaya seperti Putrajaya Wetland, Taman Botani, Tasik Putrajaya dan pelbagai program/produk pelancongan yang menarik seperti LAMPU

(Festival *Light & Motion*), Floria Putrajaya, PIACUFF, dan sebagainya.

Hadirin Yang Saya Kasihi Sekalian;

9. Sebelum ini Labuan dikenali sebagai *financial hub* dan pusat aktiviti *oil and gas*. Namun melalui Perbadanan Labuan dan Tourism Malaysia, Labuan semakin dikenali melalui program-program pelancongan yang bertaraf antarabangsa seperti *Labuan International Sea Challenge* , *Labuan Art Festival*, dan *the 1st Labuan International Kite Festival*.

10. Selain itu, kami juga menitikberatkan agenda kerajaan untuk menjadikan Labuan *Bird Park* yang telah berusia 22 tahun yang diilhamkan oleh YAB Tun Dr Mahathir Mohamad

sebagai salah satu simbol pelancongan penting di Labuan tidak lama lagi.

Hadirin Yang Saya Kasihi Sekalian;

11. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan *profit centre* penting di Malaysia yang dihuni pelbagai kaum dan bangsa serta agama. Maka kami mahu tonjolkan ia sebagai “Lembah Pepaduan Yang Damai” di mana satu kota yang dapat memberi kepuasan yang maksima kepada pelancong dengan pelbagai seni budaya sekaligus mewujudkan ekosistem produk pelancongan yang menarik seperti makanan dan pelbagai tempat menarik.

12. Sebagai contoh keindahan Hutan Bandar Bukit Nenas, Kolam Biru, River Of Life dan Jalan Alor Street Art yang memaparkan pelbagai kreativiti lukisan dinding yang

menakjubkan. Untuk itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sedang bergiat aktif melaksanakan pelbagai bentuk promosi aktiviti pelancongan seperti Bulan Rekabentuk KL pada Oktober 2019 yang akan disambut seiring Bersama-sama *World Architecture Days* yang mana objektifnya ialah untuk memberi keprihatinan kepada orang ramai memupuk semangat dan menghargai Bandaraya Kuala Lumpur .

Hadirin Yang Saya Kasihi Sekalian;

13. Keyakinan kami dengan kejayaan yang dilakar oleh AirAsia dalam menerajui amalan polisi syarikatnya menuju ke arah *Digital Company* dan *Lifestyle Business* serta penyediaan teknologi terkini bagi kemudahan pengguna seperti *Face Scanning* telah membuatkan kami terus yakin dan ingin terus

bekerjasama dalam memastikan sektor pelancongan di Wilayah Persekutuan terlaksana dengan jayanya.

14. Tambahan pula, kaedah terbaru *Medium Advertising* dalam pesawat AirAsia melalui Media Digital, *portal rokki.com*, *Overhead Lockers*, *Meal Tray Back* dan *Printed Advertising* akan dapat memasarkan produk pelancongan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dengan begitu meluas.

15. Majalah Travel 360 yang ditempatkan di dalam 232 buah pesawat AirAsia dan dibaca oleh lebih 5 juta pembaca sebulan serta boleh diakses melalui Travel360.com dengan capaian lebih 100 ribu muat turun sebulan ternyata akan memberi pengetahuan kepada para *travelers* mengenai Wilayah Persekutuan.

16. Disamping itu juga hasil kerjasama pihak Kementerian dan Agensi dengan Laduni Services Sdn Bhd sebagai *Strategic Partnership* dalam media Asset AirAsia juga menerima 2 unit media *Digital Flagpole* di KLIA2 Gateway. Pakej ini melengkapkan *marketing funnel* promosi pelancongan di Wilayah Persekutuan dalam menggiatkan lagi usaha promosi di lokasi strategik yang pengunjung tahunannya lebih 33 juta setahun.

PENUTUP

Hadirin Yang Saya Kasihi Sekalian;

17. Saya menyeru semua pihak dapat memberikan kerjasama agar pihak Kementerian dan Agensi untuk menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai destinasi pelancongan yang bersaing hebat dengan destinasi lain di dunia.

18. Saya amat yakin dan percaya melalui inisiatif ini akan dapat memberi impak terhadap pencapaian indeks yang lebih komersial bagi sektor pelancongan di Wilayah Persekutuan. Insha Allah.

19. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, Perbadanan Labuan, Malaysia Airport Holding Berhad Labuan dan TUDM Labuan, diatas kerjasama pada hari ini. Jutaan terima kasih juga kepada AirAsia yang turut menerbangkan para media dari Kuala Lumpur ke Labuan pada hari ini.

20. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim, saya dengan ini melancarkan Inflight Media Advertisement Space Air Asia.

**Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamu'alaikum W.B.T.**

